

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaiian keterangan produk (PDS) ini menyediakan maklumat penting mengenai takaful kebakaran anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, **anda harus membacanya juga.**



TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD
(Ahli PIDM)

Dilaksanakan di bawah Akta
Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan
dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia

Tarikh:

1 Apakah IKHLAS Home Protect Takaful?

IKHLAS Home Protect Takaful memberi perlindungan kepada bangunan kediaman anda dan kandungan di dalamnya dan melindungi kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, letupan, banjir, paip pecah atau oleh apa-apa Peril yang dinyatakan dalam Sijil Takaful ini. Manfaat tambahan berikut disediakan tanpa sebarang Sumbangan Takaful tambahan, tetapi tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful:

Konsep Syariah yang diguna pakai adalah seperti berikut:

- Tabarru' – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta.
- Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, berdasarkan amaun perlindungan sebanyak RM500,000 bagi harta tanah dan sumbangan tahunan sebanyak **RM450**, anda akan menerima **manfaat** seperti berikut:

Sijil ini melindungi:	Sijil ini tidak melindungi:
• Kerugian atau kerosakan bangunan dan/atau isi rumah Peserta Takaful yang disebabkan oleh kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah dan letupan • Kerugian atau kerosakan bangunan dan/atau isi rumah Peserta Takaful yang disebabkan oleh pesawat atau peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya • Kerugian atau kerosakan bangunan dan/atau isi rumah Peserta Takaful yang disebabkan oleh pecahnya atau melimpahnya tangki, peralatan atau paip air rumah Manfaat tambahan berikut disediakan tanpa sebarang Sumbangan Takaful tambahan, tetapi tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful: • Belukar/Lalang (Bangunan dan Kandungan di dalamnya) • Kerosakan akibat pokok tumbang atau ranting dan objek daripadanya (Bangunan dan Kandungan di dalamnya) • Tunai Pendahuluan (Bangunan sahaja) • Bantuan Pembiayaan Kediaman (Bangunan sahaja) • Kepingan Kaca (Bangunan sahaja) • Harta dipindahkan sementara, kecuali untuk jualan atau untuk pameran atau ke tempat simpanan perabot (Kandungan di dalam sahaja) • Kerosakan kepada cermin kaca (Kandungan di dalam sahaja) • Pampasan terhadap kecederaan maut yang terjadi dalam rumah kediaman persendirian akibat keganasan luaran dan nyata disebabkan oleh pencuri atau kebakaran, dengan syarat kematian berlaku dalam tempoh 3 bulan selepas kecederaan sedemikian (Kandungan di dalam sahaja) • Harta pembantu rumah (Kandungan di dalam sahaja) • Perlindungan Pegangan secara Automatik (Kandungan di dalam sahaja) • Harta di Laman (Kandungan di dalam sahaja) • Kehilangan Wang (Kandungan di dalam sahaja)	• Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara • Kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh bahan senjata nuclear • Sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku terhadap harta yang dilindungi disebabkan oleh pelanggaran Undang-undang dan prinsip-prinsip Sivil atau Syariah oleh Peserta Takaful atau dengan cara lain daripada sebarang akibat yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah
Dengan membayar sumbangan tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi: • Tambahan perlindungan kecurian (Bangunan dan Kandungan di dalamnya) • Rusuhan, mogok dan niat jahat (Bangunan dan Kandungan di dalamnya) • Penenggelaman dan gelinciran tanah (Bangunan dan Kandungan di dalamnya) Tempoh perlindungan selama satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui Sijil Takaful anda setiap tahun.	

Nota: Senarai ini **bukan senarai lengkap**. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Sijil Takaful ini

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan takaful kebakaran anda, anda boleh:



Hubungi kami di
03 – 2723 9696



Lawati kami di:
<https://www.takaful-ikhlas.com.my/>



Emel kami di:
ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi Takaful ini, anda perlu membayar sumbangan takaful sebanyak:	
Perlindungan Standard	RM450.00 (tahunan)
Perlindungan Tambahan	RM120.00 (tahunan)
*Sumbangan Takaful yang perlu anda bayar ialah RM570.00	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti setem	RM10.00
Yuran Wakalah → Perbelanjaan pengurusan (55%) → Komisen (15%)	RM313.50 RM85.50
Cukai Perkhidmatan (mengikut kadar semasa)	RM45.60
Jumlah Sumbangan Takaful yang Perlu Dibayar	RM625.60

Nota: *Sumbangan Takaful yang ditunjukkan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza bergantung kepada perlindungan yang anda pilih. Sumbangan asas takaful ini merangkumi yuran Wakalah yang terdiri daripada Perbelanjaan Pengurusan dan Komisen.

4 Syarat Utama Lain

- Anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat yang relevan dan tepat semasa memohon takaful ini. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda.
- Hanya Peserta Takaful yang memiliki hak untuk membuat tuntutan daripada pihak Syarikat, kecuali jika berlaku kematian kepada Peserta Takaful, atau melalui kuatkuasa undang-undang, penukaran kepentingan Takaful ini kepada orang lain hanya boleh berkuat kuasa selepas pihak Syarikat mengendors Sijil Takaful ini.
- Ia adalah penting dan menjadi syarat khas Sijil Takaful ini bahawa Sumbangan Takaful yang perlu dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh pengendali Takaful dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh permulaan Sijil Takaful ini atau endorsesmen / pembaharuan Sijil Takaful.
- Anda mesti memastikan bahawa harta anda dilindungi pada jumlah yang sewajarnya dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dibuat pada harta anda.
- Jika amaun perlindungan bagi harta anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada masa berlakunya kerugian, anda akan dianggap bertanggungjawab terhadap perbezaan tersebut dan menanggung bahagian kerugian mengikut kadar yang sepadan.
- Jika terdapat sebarang Takaful/ Insurans lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, pihak Syarikat hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.
- Syarikat akan layak mendapat Insentif Prestasi Lebihan (SPI) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SPI kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.
- Dimaklumkan bahawa sebarang tuntutan yang dibuat di bawah Sijil Takaful ini boleh memberi kesan terhadap syarat dan kadar caruman bagi pembaharuan sijil pada masa hadapan. Berdasarkan rekod tuntutan anda, Takaful Ikhlas General Berhad berhak untuk menyemak dan melaras semula kadar caruman, perlindungan atau kelayakan pembaharuan mengikut garis panduan pengunderaitan syarikat.

Nota: Senarai ini **bukan senarai lengkap**. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Sijil Takaful ini.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan dibuat, anda berhak menerima bayaran balik sumbangan secara pro-rata bagi tempoh perlindungan yang belum tamat, tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam sijil ini. Tiada bayaran balik sumbangan akan dibuat sekiranya terdapat tuntutan di bawah sijil ini.

Nota: Caj pengurusan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sekiranya pembatalan dibuat atas permintaan Anda.

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan tandatangan anda
☐ Saya mengakui bahawa Takaful Ikhlas General Berhad telah memberikan saya salinan PDS.
☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam PDS ini.

* Pengakuan Pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mencari penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian terhadap terma dan syarat produk ini di kemudian hari.

Nama:
Tarikh:

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).